


PASUKAN CANSELORI BLUES MENGUNGGULI KEJOHANAN BOLING PIALA NAIB CANSELOR BUAT KALI KEEMPAT



Kejohanan Boling Piala Naib Canselor yang telah diadakan pada April yang lalu bertempat Di Jitra Bowls Centre Kedah Darulaman telah menyaksikan 32 pasukan dari setiap jabatan telah mengambil bahagian pada kejohanan kali ini. Kejohanan ini adalah anjuran Kelab Bowling UniMAP dan juga Kelab Kakitangan UniMAP yang merupakan satu kejohanan tahunan yang diadakan untuk bertujuan mencungkil bakat-bakat baru serta mengeratkan lagi tali silaturahim antara kakitangan UniMAP. Kejohanan yang berlangsung selama satu hari ini telah menyaksikan beberapa perubahan baru iaitu jumlah kutipan jatuhan pin dan juga pemenang baru dalam kejohanan kali ini. Canselori Blues yang diwakili Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Dato Prof. Dr. Kamarudin Hussin, Mohd. Zulfauzi Mohamed Sawal, Noor Amirah Mohamad dan Mohd Bakri Hussain mengetepikan 32 pasukan lain selepas melakukan 3382 jatuhan pin.

Dengan kemenangan itu, pasukan Canselori Blues membawa pulang Piala Pusingan Naib Canselor, Wang Tunai RM 800, Piala dan Hamper. Tempat kedua bagi acara berpasukan dimenangi pasukan Caca Merba dari Kolej Kediaman UniMAP dengan 3101 jatuhan pin yang diketuai oleh Pengetua Kolej Kediaman sendiri iaitu En Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah manakala Roll Of Dulu (Jabatan Pembangunan) di tempat ketiga dengan 3100 jatuhan pin yang diketuai oleh Prof Madya Mazelan Abd Hamid.

Masing-masing membawa pulang Wang Tunai RM 600 dan RM 400, piala serta hamper. Manakala bagi kategori individu lelaki, tempat pertama dia menangi Rusdi Puteh (Bendahari) dengan 804 jatuhan pin, kedua, Mohd Tirmizi Wahab (kolej Kediaman), 781 pin dan ketiga Noor Zairi Mat Ros (Pembangunan), 767 pin. Bagi kategori individu wanita, Azniyanty Abdullah muncul johan dengan 737 pin, tempat kedua Noordiana Shahab (Pusat Sukan), 684 pin dan ketiga Noordini Idrus (Canselori) 668 pin.

Para pemenang kategori membawa pulang RM100 dan piala untuk johan, RM50 naib johan dan RM40 untuk tempat ketiga. Sementara itu, bagi kategori VIP, Johan dimenangi Naib Canselor UniMAP sendiri, dengan 743 pin, tempat kedua Prof. Madya Mazelan Abdul Hamid, 734 pin dan ketiga Mohd Mustafa Al-Bakri Abdullah, 709 pin.